



LEMBAGA PELABUHAN KELANG
(PORT KLANG AUTHORITY)
Beg Berkunci 202,
Jalan Pelabuhan Utara,
42005 Pelabuhan Klang
SELANGOR DARUL EHSAN, MALAYSIA.

Tel: 603-31 68 8211
Fax: 603-31 68 9117
603-31 68 8228
603-31 68 8229
603-31 67 0211

Laman Web: www.pka.gov.my
Email: onestopagency@pka.gov.my
ISO 9001:2015 & ISO/IEC 27001:2013

(JAB. ZON BEBAS, JAB. DAGANGAN BERBAHAYA & JAB. TEKNOLOGI MAKLUMAT)

Ruj. Tuan:

Ruj. Kami:

Tarikh : LPK.600-1/1/28 (1)

11 Julai 2023

SENARAI EDARAN :

- I. OPERATOR-OPERATOR TERMINAL
- II. SYARIKAT-SYARIKAT PERKAPALAN / NVOCCS

YBhg. Dato' / Tuan / Puan,

PEKELILING PENGURUS BESAR LEMBAGA PELABUHAN KELANG NO. 5/2023

TARIF BARU *INTER-TERMINAL TRANSFER* (ITT) BAGI SEMUA MOD PERKHIDMATAN DI PELABUHAN KLANG MULAI 1 SEPTEMBER 2023

Saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa perkhidmatan *Inter-Terminal Transfer* (ITT) di Pelabuhan Klang menggunakan mod keretapi, jalan raya dan kapal memainkan peranan yang sangat penting dalam menjayakan peningkatan pengendalian kontena *transshipment* di Pelabuhan Klang selaras dengan polisi untuk menjadikan Pelabuhan Klang lebih kompetitif sebagai hab *transshipment* pilihan serantau dan polisi rasionalisasi Syarikat Perkapalan yang hanya akan membuat persinggahan di satu terminal di Pelabuhan Klang.

3. Secara dasarnya, kos ITT yang dikenakan oleh penyedia perkhidmatan akan ditanggung oleh Operator Terminal dan Syarikat Perkapalan. Kos ITT ditetapkan berdasarkan kepada perbelanjaan modal (CAPEX) dan perbelanjaan operasi (OPEX) seperti kos operasi tren, harga bahan api, penyelenggaraan ke atas jentera-jentera dan tenaga kerja yang digunakan.

4. Dimaklumkan juga bahawa kedua-dua Operator Terminal telah menerima pemakluman daripada pihak KTMB untuk menaikkan kadar *ITT By-Rail* sebanyak 10.25% yang melibatkan kenaikan kos operasi tren dan *fuel adjustment factor*. Selain itu, kadar ITT juga telah lama tidak disemak dan telah digunakan hampir 8 tahun sedangkan kos operasi bagi ketiga-tiga mod perkhidmatan telah pun meningkat.

5. Lanjutan itu, pihak LPK telah mengadakan perbincangan bersama dengan kedua-dua Operator Terminal serta persatuan-persatuan yang mewakili Syarikat Perkapalan / NVOCCs dan bersetuju untuk melaksanakan tarif baru ITT bagi semua mod perkhidmatan di Pelabuhan Klang mulai **1 September 2023** pada kadar seperti berikut:

SAIZ KONTENA	KADAR BARU ITT
20' (\leq 21 tan)	RM90.00/unit
20' ($>$ 21 tan)	RM220.00/unit
\geq 40'	RM180.00/unit

6. Selain itu, Syarikat Perkapalan / NVOCCs hendaklah memastikan semua kontena berstatus *transshipment* dan dipindahkan secara ITT telah diikrarkan serta dimaklumkan kepada Operator Terminal **tidak kurang dari 48 jam** sebelum kontena diturunkan dari kapal pertama. Ianya bertujuan untuk memberi ruang kepada kedua-dua Operator Terminal membuat persediaan awal dan merancang operasi pemindahan tersebut. Sekiranya gagal dilaksanakan, maka kos keseluruhan pemindahan kontena secara ITT tersebut perlu ditanggung oleh Syarikat Perkapalan / NVOCCs yang terlibat seperti kadar berikut:

SAIZ KONTENA	KADAR BARU
20' (\leq 21 tan)	RM180.00/unit
20' ($>$ 21 tan)	RM310.00/unit
\geq 40'	RM360.00/unit


7. Sebarang pertanyaan lanjut berhubung perkara ini boleh diajukan kepada Jabatan Pusat Sehenti, LPK di talian 03-3168 8211 samb. 2039 / 2040 / 2045 / 2047 atau e-mel kepada onestopagency@pka.gov.my.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(KAPT. K. SUBRAMANIAM)
Pengurus Besar
Lembaga Pelabuhan Kelang

Salinan kepada:

1. **YBHG. DATO' AZMAN SHAH BIN MOHD. YUSOF**
Ketua Pegawai Eksekutif
Northport (Malaysia) Bhd.
Jalan Pelabuhan, Pelabuhan Utara
42000 PELABUHAN KLANG
Tel. : 03-3169 8686
Faks : 03-3169 8697

2. **EN. EDDIE LEE MUN TAT**
Ketua Pegawai Eksekutif
Westport Malaysia Sdn. Bhd.
P.O. Box 266, Pulau Indah
42009 PELABUHAN KLANG
Tel. : 03-3169 4038
Faks : 03-3169 4175

3. **EN. OOI LEAN HIN**
Presiden
Shipping Association Malaysia (SAM)
D/A Round-The-World Logistics Corp. (M) Sdn. Bhd.
Unit 9-1, Level 9, Tower 8, UOA Business Park
No. 1, Jalan Pengaturcara U1/51A, Seksyen U1
40150 SHAH ALAM
Tel. : 03-5561 8891
Faks : 03-5568 2997

4. **EN. PHILIP SINNAPPAN**
Presiden
Central Regional Shipping Association (CRSA)
No. 5-1, Jalan Kasuarina 7/KS7
Bandar Botanic
41200 KLANG
Tel. : 03-3318 2194
Faks : 03-3318 4694

5. **EN. MOHAMED SAFWAN BIN OTHMAN**
Pengerusi
Malaysia Shipowners Association (MASA)
A2-3-3, Blok A2, Ayer 8
Jalan P8G, Presint 8
62250 PUTRAJAYA
Tel. : 03-8893 1942
Faks : 03-8893 1945